

23 MAY 2002

PELABUR-MALAYSIA/I

MALAYSIA KEMBALI DALAM PERHATIAN PELABUR

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Selain dari Korea Selatan, Malaysia mungkin menjadi pasaran yang paling baik dikawal selia dan telus di Asia buat masa ini sehingga para pelabur antarabangsa yang menjauhkan diri sebelum ini, kini kembali ke negara, demikian lapor Far Eastern Economic Review (FEER), hari ini.

Majalah mingguan perniagaan serantau itu menyifatkan keadaan itu disebabkan oleh keyakinan politik yang membawa kepada proses membuat keputusan dorongan pasaran -- secara meluas, walaupun tidak lengkap -- dalam lingkungan rangka kerja ketelusan dan tabdir urus yang baik.

Tumpuan baru terhadap Malaysia itu terus dibuktikan dengan penarafan asing Malaysia yang dinaikkan oleh setiap agensi antarabangsa, menjadikan hutang negara boleh dijual.

Dalam edisi 23 Mei yang boleh diperolehi di pasaran hari ini, FEER dalam laporannya mengenai proses penyusunan semula Malaysia, memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas kepimpinan beliau selama 21 tahun serta penubuhan agenda ekonomi baru sebagai Menteri Kewangan.

"Ia membawa semula minat pelabur asing dalam pasaran kredit dan ekuiti Malaysia serta menandakan pengembalian yang menakjubkan (dalam jangka masa yang singkat) bagi sebuah negara".

Majalah itu juga memetik penganalisis pasaran dan penyelidik sebagai berkata yang Malaysia tidak lagi merupakan tempat pasaran yang sama seperti tiga tahun dahulu.

Antara kelebihan Malaysia berbanding dengan ekonomi serantau yang lain ialah bank-bank Malaysia kini adalah antara yang terbaik di rantau, setelah dimodalkan semula, digabungkan kepada 10 daripada 58 bank dan institusi kewangan serta hutang lapuk dikurangkan ke tahap yang diterima di peringkat antarabangsa.

Ia berkata Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, syarikat pengurusan harta yang ditubuhkan pada 1989 bagi mengurangkan hutang lapuk, boleh menjadi agensi global yang pertama untuk mencatatkan keuntungan apabila ia menamatkan operasi pada 2005.

Dengan bukti kukuh prestasinya yang baik, laporannya itu menyebut bahawa agensi berkenaan "mengambil RM48 bilion (RM12.6 bilion) nilai pinjaman tidak berbayar pada 45 sen kepada satu dolar pada 1999-2000 dan dijangka memperolehi hampir 60 sen satu dolar."

Bank-bank telah menerima hampir RM9 bilion daripada Danaharta.

Yang lain mengikut apa yang dilakukan oleh Malaysia bagi menyelesaikan masalah kewangan korporatnya.

China dan Turki baru-baru ini menghantar satu kumpulan bagi mengkaji model pemulihan hutang Malaysia.

Selain itu, "Malaysia telah menunjukkan cara-cara penyelesaian hutang korporat dengan mengambil alih syarikat swasta yang berhutang yang ia anggap strategik dan menggantikan pemilik mereka dengan pengurusan profesional - membelanjakan lebih 11 bilion ringgit dalam proses berkenaan."

Sejumlah RM28 bilion lagi dalam hutang lapuk milik 12 syarikat akan diselesaikan menjelang Ogos melalui pemiutang bank di mana Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) bertindak sebagai pengantara.

Peranan CDRC mendapat pujian apabila ia mencerminkan tindakan kerajaan dalam menyusun semula hutang daripada menjadikan syarikat-syarikat muflis yang akan memberi kesan yang lebih teruk seperti pemiutang kehilangan

kesemua wang mereka dan pemberhentian kerja.

"Semua usaha ini berhasil dengan baik. Warga asing melaburkan AS\$2 bilion ke dalam bursa saham, menjadikannya 36 peratus lebih tinggi sejak Mei tahun lepas. Pertumbuhan yang mencecah enam peratus tahun ini daripada 0.4 peratus pada 2001 manakala pendapatan cukai mencecah 24 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar 2001, antara angka yang tertinggi di Asia," kata FEER. -- BERNAMA

MR KTC NHD